



FACULTY OF ENGINEERING

SCHOOL OF COMPUTING

UKQF2132/UKQA2142 – KHIDMAT KATERING

INDUSTRI KATERING DI MALAYSIA

SEKSYEN: 01

NAMA PELAJAR: ARIF AMIRUDDIN BIN SADIRAN

NO. MATRIK: A19EC0022

NAMA PENSYARAH:

1. PUAN HASNAH BINTI MD AMIN
2. DR. MOHD ZOLKIFLI BIN ABD HAMID

TARIKH PENYERAHAN: 2 FEBRUARI 2021

1.0 INDUSTRI KATERING SEBELUM PANDEMIK COVID-19

Pada umumnya, katering merupakan perkhidmatan penyediaan makanan yang sering dilakukan ketika majlis-majlis perkahwinan ataupun apa-apa majlis yang memerlukan khidmat perkhidmatan penyediaan makanan. Dapat dilihat secara umum, industri katering semakin berkembang pesat sejak kebelakangan tahun. Aktiviti-aktiviti *kondangan* atau rewang dilihat semakin berkurang kerana wujudnya perkhidmatan katering khususnya di kawasan bandar. Walaubagaimanapun, kawasan luar bandar atau kampung turut mula mengikut corak yang sama sepertimana yang berlaku di bandar. Pelbagai syarikat telah mula tumbuh di dalam industri katering ini. Oleh hal demikian, dapat dilihat dengan jelas bahawa industri katering ini merupakan industri yang lumayan sehinggakan terdapat beberapa syarikat yang telah menginovasikan perkhidmatan mereka dengan bukan sahaja menyediakan perkhidmatan katering, malah meliputi perkhidmatan jurugambar, penyewaan khemah ataupun dewan dan pakej-pakej yang melibatkan tema-tema yang unik.

2.0 INDUSTRI KATERING SEMASA PANDEMIK COVID-19

Walaubagaimanapun, akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dijalankan di Malaysia di mana salah satu kesannya adalah larangan untuk melaksanakan apa-apa majlis. Hal ini secara tidak langsung telah memberi kesan kepada industri katering. Industri katering yang berjalan searus dengan pelaksanaan majlis-majlis tidak dapat lagi dilaksanakan. Perkahwinan yang selama ini dilakukan beserta majlis di Malaysia tidak lagi dijalankan sehingga wujudnya proses perkahwinan atas talian. Persoalannya, adakah industri katering akan terputus serta merta? Industri katering merupakan sebuah bisnes di dalam sektor perkhidmatan, dan seperti industri lain, langkah harus di ambil untuk mengadaptasi situasi yang sedang berlangsung dan untuk melangsungkan perniagaan. Sudah tentu, terdapat peniaga

yang terpaksa menggulung tikar, membuang pekerja dan mengambil langkah-langkah drastik yang lain tetapi terdapat juga peniaga yang beralih kepada perkhidmatan makanan secara atas talian, yang mana merupakan salah sebuah bisnes yang meningkat dan bukannya merosot seperti industri-industri yang lain. Mungkin akan ada mereka yang bertanya, bukankah ini hanyalah peniaga restoran? Katering ini bukankah perkhidmatan yang melibatkan majlis sahaja? Adalah diingatkan katering secara amnya merupakan perkhidmatan makanan yang turut terlibat dalam penyediaan makanan. Mungkin terdapat mereka yang menganggap kedua industri ini adalah industri yang berbeza, tetapi di mata saya, kedua industri ini adalah seperti adik-beradik daripada emak yang sama.

Walaupun bagaimanapun, industri katering bukan sahaja perlu mengadaptasi terhadap situasi yang berlaku malah bersaing dengan mereka yang sememangnya terlibat dalam perniagaan restoran yang turut menghantar makanan secara atas talian. Secara ringkasnya, industri katering sedang berada dalam situasi yang genting dan gelap.

3.0 INDUSTRI KATERING PASCA PANDEMIK COVID-19

Pada pandangan saya, industri katering pasca COVID-19 adalah masih dilihat muram. Hal ini kerana, pandemik bukan sahaja menutup punca kewangan industri ini, malah pelanggan-pelanggan yang mungkin telah kehilangan kerja, muflis ataupun keruntuhan perniagaan. Terdapat juga mereka yang melihat majlis-majlis khususnya majlis perkahwinan sebagai suatu pembaziran, mereka berpendapat duit yang digunakan untuk majlis perkahwinan lebih sesuai digunakan untuk *honeymoon*, pembelian rumah dan lain-lain. Industri katering pada masa akan datang semestinya tidak akan lenyap, tetapi perkhidmatan yang melibatkan perkahwinan adalah dijangka akan merudum dan lebih fokus terhadap pelanggan yang melibatkan majlis perasmian dan lain-lain.